

Dr M percaya keyakinan pelabur asing bertambah

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, keyakinan para pelabur asing di Malaysia akan bertambah kuat dengan terdapatnya kemudahan bagi menyelesaikan pertikaian pelaburan di negara ini.

Ujarnya, selain memberi faedah kepada Malaysia dari segi menggalakkan perdagangan antarabangsa dan menarik pelabur-pelabur asing datang ke negara ini, lain-lain negara di rantau ini, juga akan mendapati kemudahan yang disediakan di sini lebih memudahkan pelaburan, perdagangan dan kegiatan perniagaan.

KUALA LUMPUR, Selasa

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menegaskan demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Timbangtara Perdagangan Antarabangsa yang dihadiri oleh para perwakilan dari Asia dan Pasifik.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, adalah perlu bahawa negara-negara Asia dan Pasifik memberi kerjasama penuh bagi menjamin Pusat Serantau yang ditubuhkan di Malaysia kerana berbagai kemudahan disediakan seperti sistem penyelesaian pertikaian dan pelaburan.

Tambahnya, kebanyakan negara di rantau ini sedang mem-

bangun dan hanya menerusi kerjasama serantau sahajalah sistem menyelesaikan pertikaian boleh mencapai kejayaan.

Menyentuh tentang Pusat Timbangtara Serantau di Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, ia memainkan peranan penting bagi membawa kestabilan dan harmoni dalam perdagangan antarabangsa di rantau Asia dan Pasifik.

Berhubung dengan perkara ini, tambahnya, baru beberapa bulan sahaja ia membuat kejayaan dengan memeteraikan perjanjian dengan Pusat Antarabangsa bagi Penyelesaian Pertikaian Pelaburan (ICSID) yang beribu pejabat di Washington.

Di bawah perjanjian ini, kedua pihak bersetuju bekerjasama dan membantu antara salam sama lain bagi menjalankan fungsi dalam penyelesaian pertikaian.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga memberi jaminan bahawa Kerajaan Malaysia menghormati perjalanan Pusat tersebut yang bebas sebagai sebuah institusi timbangtara antarabangsa.

"Berhubung dengan ini, kita sedang meninjau undang-undang negara yang berkaitan dengan timbangtara perdagangan bagi menjamin supaya perbekalan di bawah undang-undang itu tidak menjejaskan kebebasan Pusat itu dalam menyelesaikan pertikaian perdagangan atau pelaburan," jelasnya.

Timbalan Perdana Menteri menekankan bahawa Malaysia memang menggalakkan penubuhan Pusat ini tambahkan pula Malaysia kaya dengan pengeluaran utama getah, timah dan kelapa sawit.

"Pada masa yang sama juga, Malaysia mengimport sebahagian besar barang-barang sudah siap dari negara-negara perindustrian dan membuat perjanjian perdagangan dengan perbadanan dan Kerajaan luar negeri untuk membeli atau menjual antara satu sama lain.

Oleh yang demikian, kemudahan limbangtara dalam perniagaan seperti ini adalah perlu seperti yang disediakan di Pusat berkenaan," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Malaysia telah membuat dasar bagi menggalakkan pelaburan luar datang ke negara ini dan dasar ini akan diteruskan untuk masa-masa yang akan datang. "Ini ialah kerana pengiktirafan Kerajaan terhadap sumbangan pelabur-pelabur asing yang boleh membuka peluang-peluang pemasaran, kemahiran pengurusan, kemudahan latihan, peluang pekerjaan dan pemindahan teknologi di Malaysia," tegasnya.

No Siri 2122
No Penerimaan 298/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia